

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	7 February 2016

Kenyataan Dr. Mahathir bersifat menghasut - Annuar

UM - 7/2/2016

KUALA LUMPUR 6 Feb. - Tindakan berterusan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengeluarkan kenyataan berbau hasutan mencetuskan persoalan apakah bekas Perdana Menteri itu sedang merancang agar pihak berkuasa mengambil tindakan ke atasnya.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, persoalan itu timbul kerana mustahil Dr. Mahathir tidak menyedari kenyataan beliau adalah menghasut kecuali tindakan tersebut bertujuan meraih simpati dengan menjadikannya seperti mangsa.

Menurutnya, bekas Perdana Menteri itu mungkin memikirkan jika pihak berkuasa mengambil tindakan ke atasnya kerana menghasut, orang ramai akan bersimpati dan seterusnya peluang tersebut diambil untuk menyemarakkan kebencian rakyat.

Tegasnya, jika keadaan itu yang diharapkan oleh Dr. Mahathir, bekas Perdana Menteri selama 22 tahun tersebut tersilap kerana jika ada laporan polis dibuat terhadap kenyataan menghasut tersebut,

tindakan tetap akan diambil ke atasnya.

"Saya terkejut apabila membaca kenyataan Dr. Mahathir di blognya yang sangat jelas bahawa ia mengandungi kata-kata menghasut. Saya benar-benar tidak tahu apakah niat beliau yang sebenar? Apakah ini strategi politiknya untuk meraih simpati?"

"Boleh jadi juga Dr. Mahathir berpendapat beliau kebal dari tindakan undang-undang menyebabkannya bertindak membelakangkan undang-undang dalam usahanya menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya dalam kenyataan hari ini.

Dr. Mahathir dalam tulisannya di blog <http://chedet.cc> Rabu lalu mendakwa Peguam Negara, Tan Sri Mohamad Apandi Ali tidak akan mendakwa Perdana Menteri dalam kes SRC International dan dana RM2.6 bilion kerana konon-



ANNUAR MUSA

nya terhutang budi dengan Najib.

Bekas Perdana Menteri itu juga menuduh Mohamad Apandi tidak mahu Peguam Negara Switzerland tahu sama ada wang di dalam akaun-akaun peribadi Perdana Menteri tersebut datang daripada syarikat iMalaysia Development Berhad (IMDB) ataupun tidak.

Dalam pada itu, Annuar berkata, semua tuduhan melu Dr. Mahathir itu hanya menunjukkan satu perkara sahaja iaitu mendatangkan kebencian bagi niat membangkitkan perasaan tidak setia rakyat terhadap keadilan dan pentadbiran pimpinan Perdana Menteri.

"Apa yang pasti, semua tuduhan-tuduhan tersebut merupakan satu kesalahan di bawah Fasal 2 (1) (c) Akta Hasutan 1948. Dr. Mahathir tidak wajar menolak seseorang dari kedudukannya atau mengarahkan orang ramai untuk bertindak ke arah itu," katanya.